

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, October 23, 2019 9:27 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jangan Biarkan Tangan Durjana Musnahkan Anugerah Ciptaan Allah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 OKTOBER 2019 / 24 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

JANGAN BIARKAN TANGAN DURJANA MUSNAHKAN ANUGERAH CIPTAAN ALLAH



UUM ONLINE: Graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) umpama cahaya yang membawa sinar baharu untuk dunia dan bumi yang menghidupkan biodiversiti alam sekitar yang sempurna.

Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab graduan untuk tidak membiarkan tangan-tangan durjana memusnahkan anugerah ciptaan Allah.

Pro-Canselor, Tun Dato' Seri (Dr.) Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim berkata, retoriknya sudah sekian lama dikalamkan dalam Surah ar-Rahman, ayat 13 yang mafhumnya berbunyi, "Nikmat tuhan yang manakah yang engkau dustakan?"

"Apabila semua graduan memasuki alam pekerjaan, sentiasa ingatlah bahawa kita semua adalah 'khalifah' di muka bumi ini yang diberi amanah untuk mengurus dan mentadbir bumi dengan sebaiknya.

"Manfaatkan sumber dengan sebaik-baiknya bagi menjamin kesinambungan hidup generasi anak cucu kita pada masa akan datang supaya mereka dapat menikmati dan merasainya," katanya pada sesi ketujuh Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM, semalam.

Beliau berkata, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, UUM bukan sahaja berdiri teguh untuk melahirkan modal insan untuk pembangunan negara tetapi juga berperanan untuk mendidik anak bangsa menjadi masyarakat yang sejahtera dari segi rohani dan jasmani serta tahu menilai dan menghargai kurniaan Ilahi.

Menurutnya, alam sekitar yang dinikmati sekarang ini adalah anugerah tidak terhingga nilainya yang dikurniakan Allah kepada makhlukNya dan alam sekitar yang tidak tercemar memberikan manusia suasana yang selesa dan menyamankan.

Namun, katanya, apa yang menyedihkan adalah sejak akhir-akhir ini banyak bencana alam yang telah meragut ratusan ribu nyawa dan melibatkan kerugian harta benda berbilion ringgit dalam sekelip mata, malah Malaysia juga tidak terlepas daripada diuji dengan kejadian bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, jerebu, ribut, kemarau dan ombak besar tsunami.

"Sesungguhnya setiap bencana yang menimpa negara ini atau negara lain di dunia ini perlu kita jadikan iktibar dan ia menyedarkan kita bahawa harta benda adalah pinjaman dan dunia ini adalah sementara sahaja, justeru marilah kita sama-sama berganding bahu dan bersatu padu untuk memakmurkan bumi Allah ini dengan sebaik-sebaiknya.

"Oleh hal yang demikian, adalah amat penting bagi universiti mengamalkan dan menerapkan konsep kelestarian di kampus. Pembangunan lestari merujuk kepada kemampuan untuk memelihara sistem kehidupan untuk manusia dan kehidupan lain di alam ini.

"Kita semua seharusnya memiliki hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat lestari yang memiliki kualiti kehidupan yang merangkumi sistem ekonomi, sosial dan persekitaran bagi menjamin kesejahteraan hidup dan persekitaran yang sihat dan produktif," katanya.

Pada sesi tersebut, seramai 744 graduan menerima ijazah masing-masing yang disampaikan Pro-Canselor.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.